

# PM jamin aktiviti ekonomi seperti biasa tertakluk SOP

Usaha kerajaan pastikan rakyat dapat terus bekerja

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Mohd Nasaruddin Parzi dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi jaminan bahawa aktiviti ekonomi negara akan terus berfungsi sepanjang tempoh darurat, namun tertakluk kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Malah, beliau menegaskan bahawa kerajaan akan turut memastikan aktiviti ekonomi tidak terhenti agar rakyat dapat terus bekerja, manakala perniagaan, perdagangan dan industri mampu beroperasi seperti biasa.

“Kerajaan juga komited memastikan amalan tadbir urus terbaik terus diamalkan sepanjang tempoh pelaksanaan darurat ini.

“Organisasi kawal selia negara diiktiraf pada peringkat antarabangsa iaitu Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia akan terus memainkan peranan sebagai pemangkin pengawal selia dan pemudah cara syarikat dan

pasaran,” katanya dalam perutusan khas darurat disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan, semalam.

Terdahulu, Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memberi perkenan Pengisytiharan Proklamasi Darurat yang dilaksana hingga 1 Ogos sebagai langkah proaktif membendung COVID-19 di negara ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri juga menjelaskan kepada pihak berkepentingan bahawa Malaysia masih terbuka untuk perniagaan dalam menghadapi masa yang mencabar ini.

“Tempoh darurat ini akan memberi kita ketenangan dan kestabilan yang diperlukan, selain membolehkan kita menumpukan usaha pemulihan ekonomi dan pertumbuhan.

“Kita kekal komited terhadap tadbir urus yang baik dalam tempoh ini dan mempunyai ekosistem pengawalseliaan yang kukuh dan dinamik,” katanya.

Muhyiddin berkata, kerajaan sudah menggerakkan strategi enam peringkat sejak Mac tahun lalu yang turut disertakan dalam Belanjawan 2021 dan mampu memacu semula ekonomi.

Kestabilan yang berterusan itu sudah pasti akan membolehkan negara kekal bertahan serta dapat membina landasan pemulihan ekonomi yang telah diusahakan secara gigih sejak tahun lepas, kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga berkata,



*Aktiviti perniagaan seperti di pasar awam beroperasi tertakluk SOP dan penguatkuasaan agar bekalan makanan terus terjamin. (Foto hiasan)*

tindakan tegas menanti mana-mana pihak yang didapati cuba mengganggu gugat usaha memerangi penularan COVID-19 dan menguruskan ekonomi negara sejajar tekad kerajaan memastikan keselamatan negara dan rakyat sentiasa terjamin.

“Saya juga minta pemimpin agama dapat doakan kesejahteraan Malaysia dan supaya kita dilindungi daripada sebarang bala bencana,” katanya.

Muhyiddin berkata, kerajaan sekali lagi menjunjung setinggi-tinggi kasih keprihatinan dan kebi-

jaksanaan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, dalam memperkenankan pengisytiharan darurat mengikut Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

“Saya berdoa semoga Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong, putera dan puteri Tuan-ku, seluruh kerabat dan sekalian rakyat jelata terus dilindungi oleh Allah.

“Mudah-mudahan wabak COVID-19 yang melanda negara kita segera berakhir. Amin, Amin Ya Rabbal Alamin,” katanya.